



KANAK-KANAK tiga beradik dalam keadaan tidak terurus hanya makan nasi kuah kicap (gambar kecil) tinggal dalam sebuah bilik di rumah kedai Jalan Susur Larkin Perdana 1, Larkin Perdana, Johor Bahru, baru-baru ini. - MINGGUAN/NUR AISYAH MAZALAN

## JKM selamatkan 3 beradik ditinggalkan ibu bapa

Deh AZIZI MAJID  
pengarang@utusan.com.my

**JOHOR BAHRU 5 Ogos** - Tiga beradik yang ditinggalkan dalam keadaan tidak terurus di sebuah rumah kedai di Jalan Susur Larkin Perdana 1, Larkin Perdana di sini diselamatkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kelmarin.

Difahamkan, dua kanak-kanak perempuan dan seorang lelaki berusia antara dua hingga enam tahun tinggal bersama ibu bapa mereka yang berasal dari Sabah serta seorang lagi adik berusia empat bulan.

Kisah tiga beradik itu menjadi tular dalam Facebook apabila seorang pengguna mendakwa kanak-kanak berkenaan ditinggalkan dalam keadaan sudah beberapa hari tidak mandi dan hanya makan nasi berlaukan kicap.

Dakwa pengguna laman sosial itu, ibu kanak-kanak berke-

**Pelindung kanak-kanak JKM ke tempat tinggal mereka bersama anggota polis dari Balai Polis Larkin selepas menerima maklumat pada Rabu lalu.**

**NORMAWARNI MAHAT**  
Pegawai Kebajikan Masyarakat  
Daerah Johor Bahru

naan yang juga seorang muafal bekerja di sebuah kilang di Gelang Patah, manakala bapanya dipertanggungjawabkan untuk menjaga kanak-kanak terbabit namun meninggalkan mereka dalam keadaan tidak terurus.

Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Johor Bahru, Normawarni Mahat berkata, siasatan mendapati tiga beradik

itu ditinggalkan di sebuah bilik sewa rumah kedai berkenaan tanpa pengawasan orang dewasa.

"Pelindung kanak-kanak JKM ke tempat tinggal mereka bersama anggota polis dari Balai Polis Larkin selepas menerima maklumat pada Rabu lalu.

"Pemerhatian kami juga mendapati mereka kekurangan makanan, pakaian dan penjagaan. Mereka juga melihat keadaan kanak-kanak yang ditinggalkan tanpa pengawasan yang sewajarnya dan kes tersebut disiasat di bawah Akta Kanak-Kanak 2001," katanya.

Seorang penghuni bilik sewa di rumah kedai berkenaan, Mohamad Faizul Mohamad, 34, berkata, nasib malang tiga beradik itu disedari seorang penyewa bilik sebelah apabila mendengar bunyi pinggan pecah dari bilik yang didiami kanak-kanak tersebut.

Curiga dengan keadaan

itu, penyewa bilik itu bergeser memberitahu dia dan isteri, Intan Yasirah Sumadi, 28, belum mereka memeriksa berkenaan.

"Pintu bilik berkunci, dan baik pembantu rumah sewa kunci pendua dan kami baru masuk ke dalam serta sangat terkejut apabila melihat keadaan tiga beradik ini ditinggalkan dalam keadaan tidak terurus.

"Mereka terbaring dalam keadaan lapar selain berbau busuk dipercayai tidak dimakan selain mendapati mereka hanya makan nasi berlaukan kicap," katanya.

Mohamad Faizul memberitahu, keluarga berkenaan sahaja menyewa bilik tersebut sejak hujung bulan lalu.

"Mereka hidup dalam keadaan serba kekurangan, percaya mereka tidak akan buat demikian sekiranya tidak ada masalah," katanya.